



## TEKS UCAPAN (PRESIDEN ANGKASA)

**MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA  
RAKAN NIAGA DAN**

# **PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA YAYASAN INFAQ ANGKASA DAN PUSAT JAGAAN DARUL SAKINAH**

**27 APRIL 2022**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

DAN SALAM SEJAHTERA

**[SALUTATION VVIP, VIP]**

**[SALUTATION LAIN]**

DATO'-DATO', TUAN-TUAN, PUAN-PUAN  
YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN  
MEMANJATKAN KESYUKURAN  
KEHADRAT ALLAH SWT DAN  
MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI  
PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH DI  
ATAS KESUDIAN DATO-DATO, TUAN-  
TUAN, PUAN-PUAN DAN SEMUA RAKAN  
NIAGA YANG HADIR PADA PETANG INI  
SEMPENA MAJLIS BERBUKA PUASA

BERSAMA RAKAN NIAGA MYANGKASA  
AMANAH BERHAD (MAAB) DAN  
PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA  
YAYASAN INFAQ ANGKASA DAN PUSAT  
JAGAAN DARUL SAKINAH.

TAHNIAH KEPADA MAAB KERANA  
MENGANJURKAN MAJLIS BERBUKA INI.  
SEKURANG-KURANGNYA DAPAT

MERAIKAN SEMUA RAKAN NIAGA YANG BANYAK MENYUMBANG KEPADA PEMBANGGUNAN MAAB SELAMA INI. SELEPAS NEGARA DILANDA PENDEMIK COVID 19 BANYAK PROGRAM YANG MELIBATKAN PERTEMUAN SECARA FIZIKAL TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN. NAMUN KITA BERHARAP SELEPAS INI KEADAAN KEMBALI SEPERTI SEDIA KALA

DAN KITA DAPAT LEBIH KERAP BERTEMU  
DALAM MAJLIS-MAJLIS SEUMPAMA INI.  
TINGGAL BEBERAPA HARI SAHAJA LAGI  
KITA AKAN MENYAMBUT HARI RAYA  
AIDILFITRI. MUDAH-MUDAHAN KITA  
SAMA-SAMA DAPAT MENINGKATKAN  
AMAL IBADAH KITA 10 MALAM  
TERAKHIR INI SEMOHA KITA

DIANUGERAHKAN LAILATUL QADAR  
OLEH ALLAH STW.

DATO-DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-  
PUAN

SAYA AMAT BERBANGGA MELIHAT  
KEJAYAAN DEMI KEJAYAAN YANG  
DICAPAI DAN DILAKAR OLEH



MYANGKASA AMANAH BERHAD. SAYA SENTIASA MENGIKUTI SEGALA PERKEMBANGAN DAN SEGALA USAHASAMA YANG DIJALANKAN OLEH MAAB DENGAN PELBAGAI INSTITUSI SAMA ADA KERAJAAN MAHUPUN SWASTA. KEJAYAAN YANG DICAPAI INI ADALAH HASIL DARI USAHA BERSAMA ANTARA RAKAN NIAGA DAN MAAB.

SAYA MENGHARAPKAN PIHAK  
PENGURUSAN DAN KAKITANGAN  
MAAB AKAN LEBIH AGRESIF DALAM  
MEMBIMBING RAKAN NIAGA SUPAYA  
MEREKA DAPAT MENINGKATKAN LAGI  
JUALAN, INI ADALAH PENTING KERANA  
APABILA LEBIH RAMAI ORANG  
BERWASIAAT MAKA LEBIH BANYAK

URUSAN PENTADBIRAN PUSAKA DAPAT  
DISELESAIKAN DENGAN CEPAT.

SAYA DIMAKLUMKAN MAAB  
MENSASARKAN PENINGKATAN  
JUALANNYA SEBANYAK 15% BAGI  
TAHUN 2022. BAGAIMANAPUN SAYA  
MENGHARAPKAN LEBIH DARIPADA ITU  
KERANA SAYA YAKIN JIKA KITA

MELAKUKAN SESUATU PERKARA ITU SECARA BETUL KITA BOLEH MENCAPAI APA JUA SASARAN YANG DILETAKKAN. TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA SEMUA RAKAN NIAGA YANG HADIR PADA PETANG INI. SAYA DIFAHAMKAN ADA WAKIL DARIPADA INSTITUSI KEWANGAN SEPERTI (BSN, AGROBANK, BANK MUAMALAT, AFFIN, ARRAJHI DAN

LAIN-LAIN) DAN YANG BUKAN INSTITUSI KEWANGAN SEPERTI (POS MALAYSIA, TEKUN, SYARIKAT KORPORAT DAN LAIN-LAIN) SAYA HARAP KITA AKAN TERUS BERUSAHA UNTUK MEMASARKAN PRODUK YANG DITAWARKAN OLEH MAAB KALAU BOLEH SETIAP RAKYAT MALAYSIA YANG SUDAH BERKERJAYA MENGAMBIL SALAH SATU PRODUK

PERANCANGAN HARTA YANG  
DITAWARKAN OLEH MAAB.

DATO-DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-  
PUAN,

SEHINGGA DISEMBER 2021 SAHAJA  
SEBANYAK 173778 ORANG TELAH  
MENGAMBIL WASIAT MELALUI MAAB.

INI MERUPAKAN PENINGKATAN YANG SANGAT BAIK KERANA PADA MULA AWAL PENUBUHAN MAAB DAHULU TAHUN 2014 HANYA 97 PEWASIAH SAHAJA YANG BERJAYA DIDAFTARKAN. SAYA LIHAT INI PENCAPAIAN YANG AMAT BAIK BAGI MAAB KHUSUSNYA DAN ANGKASA AMNYA. KEPERCAYAAN MASYARAKAT KEPADA

MAAB SUDAH MULAI DILIHAT DAN DIKENALI OLEH MASYARAKAT LUAR. MANAKALA BAGI PROSES PENTADBIRAN PUSAKA, MAAB SEKARANG MEMEGANG AMANAH BAGI KESELURUHAN HARTA PEWASIAH YANG DIANGGARKAN BERNILAI 86 BILLION. INI MERUPAKAN SATU ANGKA YANG BESAR. JIKA PUSAKA INI



DISELESAIKAN KELAK PENDAPATAN MAAB DIANGGARKAN SEBANYAK 1.72 BILLION (BERDASARKAN 2% FI YANG DIKENAKAN). SEGALA JUMLAH INI TIDAKLAH AKAN TERHASIL SEKIRANYA TIADA USAHA KITA BERSAMA. SAYA MENGHARAPKAN MAAB MENJADI PILIHAN UTAMA RAKYAT MALAYSIA APABILA MEREKA INGIN MEMBUAT

PERANCANGAN HARTA PUSAKA  
MEREKA SUATU HARI NANTI.

ANTARA PERANCANGAN MASA  
HADAPAN ANGKASA BERHASRAT  
UNTUK MEMBUKA RUANG KEPADA  
KOPERASI YANG BERDAFTAR DI BAWAH  
ANGKASA UNTUK MENJADI PEMEGANG  
SAHAM MAAB. MUNGKIN SAHAM

MAAB AKAN DIAPUNGKAN DIBURSA MALAYSIA. CUMA PADA PERINGKAT AWAL KITA HANYA BUAT DIPERINGKAT KOPERASI TERLEBIH DAHULU. MUNGKIN SEKIRANYA DIREZIKAN ALLAH KITA JUGA BOLEH IPO KAN MAAB DIBURSA. ITU MUNGKIN CITA-CITA BESAR ANGKASA UNTUK MELIHAT MAAB PERGI LEBIH JAUH. KENAPA PERLU BUKA

RUANG INI KEPADA KOPERASI? KERANA  
INI MERUPAKAN POTENSI BESAR  
KEPADA KOPERASI-KOPERASI  
MENINGKAT PENDAPATAN MEREKA  
MELALUI MAAB. INI JUGA MERUPAKAN  
SALAH SATU INISIATIF ANGKASA BAGI  
MELIHAT KOPERSI-KOPERASI BERGERAK  
SEIRING DENGAN KEJAYAAN YANG  
DIPEROLEHI OLEH ANAK SYARIKAT

ANGKASA. BAGI KOPERASI YANG TELAH MENJADI RAKAN NIAGA MAAB DIHARAPKAN DAPAT MEMBERIKAN MANFAAT KEPADA SEMUA ANGGOTA DIBAWAHNYA. YANG MANA KOPERASI BELUM MENJADI RAKAN NIAGA MAAB BOLEHLAH MENDAFTAR SEBAGAI RAKAN NIAGA MAAB. BOLEH HUBUNGI

MAAB UNTUK MENDAPATKAN  
MAKLUMAT LANJUT.

DATO-DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-  
PUAN

SAYA TIDAK BERHASRAT UNTUK  
BERCAKAP PANJANG LAGI KERANA  
SELEPAS INI SAYA DIMAKLUMKAN KITA

ADA PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA YAYASAN INFAQ ANGKASA DAN PUSAT JAGAAN DARUL SAKINAH SERTA SUMBANGAN DUIT RAYA KEPADA ANAK-ANAK JAGAAN DARUL SAKINAH. INI MERUPAKAN 1 LAGI SUMBANGAN OLEH MAAB SELEPAS SUMBANGAN KEPADA MANGSA BANJIR YANG DIBUAT SEBELUM BULAN RAMADHAN

BARU-BARU INI. TAHNIAH DAN SYABAS  
SAYA UCAPKAN KEPADA AHLI  
LEMBAGA PENGARAH, PENGURUSAN  
MAAB DAN KAKITANGAN ATAS  
SUMBANGAN DAN KEPRIHATINAN  
YANG DILAKUKAN DALAM KERJA  
SOSIAL INI. PROGRAM SEUMPAMA INI  
DIHARAPKAN LEBIH BANYAK LAGI  
DAPAT DILAKSANAKAN BAGI



BERKONGSI REZEKI DENGAN  
MASYARAKAT LUAR. SEBELUM AKHIR,  
DIKESEMPATAN INI SAYA INGIN  
MENGUCAPKAN SALAM LEBARAN DAN  
SELAMAT HARI RAYA AIDILFITI MAAF  
ZAHIR BATIN KEPADA SEMUA TETAMU  
YANG HADIR. INSYAALLAH SAMA-  
SAMA KITA TINGKATKAN AMAL IBADAT  
BAGI MENGEJAR MALAM LAILATUL

QADAR. MALAM NI MERUPAKAN  
MALAM KE 26 KITA BERPUASA.

BAGI YANG PULANG KE KAMPONG  
BERHATI-HATI DI JALAN RAYA. SENTIASA  
PATUH SOP COVID 19 KERANA KITA  
MASIH BELUM BEBAS SEPENUHNYA.  
SEMOGA KITA SEMUA SELAMAT DAN

DILINDUNGI ALLAH SELALU. SAYA  
AKHIRI UCAPAN SAYA DENGAN LAFAZ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

SEKIAN, TERIMA KASIH